Peristiwa

Serigala di Kandang Kambing

Karya Ali Tantawi

Saya ada mempunyai seorang sahabat di negeri Syam. Di sepanjang hayatnya ia hanya dikurniai Tuhan seorang anak perempuan. Sekarang sedang besar panjang dan menjadi seorang gadis sunti. Kerana dia itulah sahaja anak tunggalnya, maka sangatlah dimanjainya. Apa sahaja yang diperintah oleh si anak, si ayah mesti menurut, apa sahaja yang diminta oleh si anak, si ayah mesti memberi, sehingga jadilah si gadis itu seorang anak manja . . . manja dalam erti kata yang sebenarnya . . . manja melampaui had dan batasan.

Kini sahabat saya itu telah menjadi seorang ayah yang terjajah . . . dijajah oleh kemahuan hawa nafsu seorang anak yang sangat dimanjainya dari sejak kecil. Sekarang si anak telah menjadi seorang perawan yang diberi gelaran oleh teman-teman sekolahnya " Si Manis Tujuh Belas". Gerak gerinya, kelakuan dan pakaiannya sehari-hari sudah tidak dapat dikawal lagi. Apa yang dilakukan oleh teman-temannya yang terdiri daripada anak-anak gadis keturunan bangsawan itulah yang dilakukannya, apa yang dipakai oleh gadis-gadis hartawan itulah yang dipakainya.

Pada suatu hari si ayah – sahabat saya itu – saya nasihati supaya ia bersikap keras terhadap anak gadis kemanjaannya itu, demi untuk menjaga nama baik keluarga dan masa depannya yan gelap. Tetapi segala kata-kata nasihat yang saya pantakkan ke cuping telinganya itu tidak mahu didengarnya.

Sebagai seorang sahabat, saya tidak mahu memutuskan perhubungan "silaturahim" dengannya. Pada suatu hari saya kunjungi rumahnya. Sedang saya berbual-bual dengannya, dari bilik sebelah saya terdengar bunyi suara lelaki dan perempuan bercakap-cakap, sekali sekala diiringi dengan suara gelak dan mengilai. Dengan ikhlas saya pun bertanya:

-"Siapa berada di bilik sebelah itu?"

-"Si Maimunah dengan gurunya" (Jawabnya dengan bersengaja).

"Si Maimunah anak gadis awak dengan gurunya?" (Tanya saya untuk menegaskan jawapannya itu).

-"Ya" (Jawabnya), "Mengapa?"

-"Percaya awak membiarkan anak gadis awak berdua-duaan dengan lelaki asing di dalam sebuah bilik yang berkunci?" (Tanya saya lagi dengan hairan).

-"Mengapa saya tak percaya, lelaki itukan gurunya? Ia seorang pemuda yang beradab sopan dan ikhlas. Lagipun si Maimunah itu seorang gadis terpelajar, dia tahu menjaga kehormatan dirinya." (Jawabnya dengan tenang).

-"Terlebih dahulu maafkan saya! Saya nak katakan kepada awak satu kalimah kata yang benar dan hak, sekalipun perkataan itu kasar dan akan menyakitkan hati awak".

-"Oh, itu tak mengapa . . . katakanlah!"

-"Awak gila".

-"Apa kata awak . . . saya gila? Sanggup awak menuduh saya gila?"

-"Ya benar! Awak gila . . . . Sukakah awak saya bercakap bohong dengan mengatakan awak seorang yang berakal? Sesungguhnya Rasulullah *sallah Allāhu 'alayhi wa sallam* telah bersabda: 'Tidaklah berdua-duaan seorang lelaki dengan seorang perempuan melainkan syaitan orang yang ketiganya'. Awak berani membawa seorang pemuda remaja masuk

ke dalam rumah ini, kemudian awak benarkan pula ia duduk berdua-duaan dengan anak gadis awak yang sedang kembang mekar di dalam sebuah bilik yang berkunci. Bukankah bererti awak meletakkan api yang sedang menyala di sebelah tin minyak benzin yang terbuka? Kemudian awak bentang tilam di sampingnya dan awak tidur dengan nyenyak, sedang otak awak yang gila itu memikirkan bahawa api itu tidak akan menjilat minyak yang terdedah di sebelahnya itu? Padahal hadith Rasulullah telah menerangkan dengan sejelas-jelasnya "**Tidaklah berdua-duaan seorang lelaki** – lelaki mana jua pun **'dengan seorang perempuan'** – Perempuan mana jua pun – **'melainkan syaitan orang yang ketiganya. . .'**."

-(Mendengarkan serangan-serangan saya yang sebegitu hebat, dengan muka yang merah padam menahan kemarahan, ia berkata): "Maafkan saya! Saya berharap awak jangan cuba menuduh anak saya dengan perkara yang bukan-bukan. Saya yakin dan saya mengetahui tentang tabiat anak saya. . . kerana ia anak saya."

-(Melihat ia marah dan tidak mahu menerima kata-kata saya yang berupa nasihat itu, maka saya pun mulai naik angin dan lantas berkata: "Ya shaykh! Yusuf itu seorang nabi, anak nabi, cucu nabi, mengapa ia juga digoda oleh seorang wanita cantik?"

-"Sudahlah! Saya tak mahu lagi mendengar kata-kata awak yang tidak berasas itu" (Kemudian ia pun terus berlalu dari situ meninggalkan saya).

-(Sebelum sahabat saya berlalu dari situ, saya sempat mengatakan kepadanya): "Ingatlah akan firman Tuhan yang berbunyi: ***"Inna al-nafs li'amārati bi al-sū'"***. – Sesungguhnya nafsu (seseorang) itu cenderung kepada kejahatan."

Setelah kejadian ini berlaku beberapa tahun saya tak pernah bertemu dengannya lagi, ia telah memutuskan silaturahim dan tidak mahu melihat muka saya lagi. Dengan itu putuslah tali persahabatan kami yang telah terjalin dari sejak kami masih berada di dalam dunia kanak-kanak. Kalau sudah begitu kejam keputusan yang diambilnya, maka saya pun mengundurkan diri daripada mencampuri hal rumahtangganya.

Beberapa tahun berselang, saya telah memegang jawatan sebagai hakim di dalam sebuah Mahkamah Syariah di Kota Damsyik. Pada suatu hari dengan tidak saya sangka-sangka, sahabat saya itu telah diseret ke dalam mahkamah untuk dibicarakan. Bersama-sama dengannya ialah si Maimunah dan guru muda yang mengajarnya duhulu. Pada mulanya kedua-dua manusia itu hampir-hampir tak saya kenali. Air muka masing-masing telah berubah benar. Saya tak percaya perubahan itu berlaku dengan sebegitu cepat. Rupanya muka sahabat saya itu jauh lebih tua dari saya. Pada hal umur saya dengan umurnya adalah sebaya. Si Maimunah yang dahulunya sebagai "Mawar Kota Damsyik" yang sedang kembang mekar kini telah layu terkulai mencecah bumi. Air mukanya tak ubah seperti janda yang berumur 40 tahun. Hanya yang tidak berubah si guru durjana itu. Ia tetap merupakan seorang muda yang masih segak dan tampan, tetapi sayang jiwanya kotor dan bernoda. Dinodai oleh kemahuan hawa nafsunya yang buas itu.

Sebelum perbicaraan dijalankan, sahabat lama saya itu saya panggil masuk ke bilik saya. Setelah ia berada di hadapan saya, tubuh saya dipeluknya dengan erat-erat sedang air mata penyesalan setitik demi setitik keluar membasahi kedua pipinya yang telah cengkung itu. Di dalam hujan air mata yang terbit dari saluran hatinya yang telah retak menanti belah itu, ia menceritakan kepada saya segala peristiwa buruk yang telah berlaku ke atas si Maimunah anak gadis kemanjaanya itu.

-"Sungguh benarlah sebagaimana kata awak dahulu, bahawa saya ini 'seorang gila'. Ya, kini baharu saya sedar bahawa saya adalah benar-benar 'seorang gila', kerana saya cuba hendak mengubah tabiat alam. Saya cuba meletakkan sebuah dapur gas yang seddang menyala di samping sebuah peti yang penuh berisi dinamit. Kemudian saya tidur di samping Peristiwa

peti itu dengan nyenyak, sedang saya yakin dengan sepenuhnya keyakinan bahawa kedua-dua barang itu tidak mendatangkan sebarang bahaya. Tiba–tiba peti dinamit itu meletup, membakari rumah dan memusnahkan segala harta benda yang berada di dalam rumah itu, dengan erti kata yang lain, dengan kebodohan saya itu, terbakarlah maruah saya dan hilanglah kehormatan anak gadis saya yang saya cintai. Saya bawa masuk si anjing kurap itu ke dalam rumah saya dengan niat yang baik, dengan hati yang jujur dan ikhlas untuk mengajar anak kesayangan saya supaya ia menjadi seorang yang sempurna. Tetapi segala apa yang saya harapkan itu berlaku sebaliknya. Si lelaki bedebah yang saya percayai itu telah menyeret anak saya ke lembah kehinaan yang yang dikutuki Allah. Di belakang pengetahuan saya keduanya telah bercumbu-cumbuan mengikat tali percintaan. Pada ketika itu saya buta . . saya jahil . . dan saya keldai. Oh, apa gunanya memperkatakan sesuatu perkara yang telah berlaku, apa faedah menyesali nasib yang telah hancur.

"Akhirnya saya tak dapat menahan sabar, si anjing bedebah itu itu saya usir keluar dari rumah saya, saya tidak benarkan lagi ia menjejakkan kakinya ke tangga rumah saya untuk menemui Maimunah. Kepada Maimunah saya beri amaran supaya memutuskan perhubungan dengan lelaki jahanam yang tidak berbudi itu. Saya tidak dapat berbuat sesuatu selain dari ini. Dari sejak itu baharu saya rasai diri saya bersalah. Salah membiarkan Maimunah hidup di alam bebas tanpa kawalan, membiarkan dia keluar seorang diri. Tanpa curiga, gerak-gerinya di luar rumah tak dapat saya awasi.

"Salahnya, saya juga yang mahukan dia hidup bebas seperti gadis-gadis Amerika, Inggeris dan Perancis yang lepas laku, tak silu-silu bergaul dengan kaum lelaki di dalam masyarakat umum. Tetapi saya terlupa yang orang-orang Amerika, orang-orang Inggeris dan orang-orang Perancis sendiri selalu menghadapi kesulitan tentang anak-anak gadis mereka yang hidup bebas tanpa kawalan. Mereka sering kali mengeluh dengan perbuatan-perbuatan sumbang yang mereka lakukan di belakang pengetahuan ibu bapa mereka. Hasil dari pendidikan bebas yang saya berikan kepada Maimunah, maka segala gerak-geri, kelakuan dan tabiat Maimunah sudah menyerupai gadis-gadis Barat. Sedang ia adalah seorang gadis Timur. Di belakang pengetahuan saya ia pergi berjumpa dengan kekasihnya. Akibat daripada perjumpaan secara sulit yang berkali-kali itu, akhirnya mereka berdua mengambil persetujuan untuk melarikan diri dari rumah.

"Pemuda yang melarikan anak gadis saya itu, adalah seorang penganggur yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan. Oleh itu hidupnya selalu menderita. Mereka berdua hidup seperti suami isteri dengan menyewa sebuah bilik kecil di luar kota. Untuk menutup sara hidup mereka sehari-hari hanya bergantung kepada wang dan barang-barang kemas Maimunah yang dibawanya sewaktu ia meninggalkan rumah. Sekarang wang dan barang-barang kemas itu semuanya telah habis dijual tetapi Maimunah mempunyai satu akal untuk mendapatkan wang. Ia pulang pada masa saya tidak ada di rumah. Laci meja saya dipecahkannya, ia tahu saya menyimpan wang dalam laci itu. Ke semua wang simpanan yang berada di dalam laci itu dicurinya, digunakan untuk menutup sara hidup mereka berdua.

"Sekembalinya saya ke rumah, saya dapati kesemua sekali wang yang berada di dalam laci itu dicuri orang. Saya fikir yang mencuri wang itu adalah orang jahat yang masuk menggeledah rumah itu. Dengan tiada berfikir panjang lagi kejadian itu saya laporkan ke Pejabat Polis. Setelah pihak polis menyiasat kejadian curi itu, maka didapati yang mencuri wang saya itu tidak lain daripada Maimunah anak saya sendiri. orang gaji dan jiran-jirannya sebelah-menyebelah rumah saya menyaksikan sendiri kedatangan Maimunah ke rumah itu dan mereka melihat Maimunah keluar membawa sebuah beg tangan dengan terburu-buru ketakutan. Maimunah dan pasangannya

itu pun ditangkap dimasukkan ke dalam lokap. Saya pun dipanggil kembali polis untuk memberikan keterangan lanjut di atas kejadian itu. Manakala tiba hari perbicaraan dijalankan – yaitu pada hari ini – saya pun sebagai orang yang mendakwa dipanggil datang ke mahkamah ini, dengan sebab itulah saya berada di mahkamah pada hari ini. Saya sekali-kali tidak menyangka yang awak sendiri menjadi hakim untuk mengadilikan perbicaraan di antara saya dengan anak kesayangan saya itu.

"Oleh sebab itu saya telah kehilangan banyak perkara. Kehilangan maruah anak yang saya cintai, kehilangan wang, dan kehilangan kehormatan peribadi, selain dari itu saya telah mendapat malu besar, semua orang sudah mengetahui akan kejadian yang seburuk ini. Puncanya kejadian ini berlaku ialah disebabkan kesalahan saya sendiri membawa masuk seekor serigala ke kandang kambing saya, dengan lebih dahulu tidak memperhitungkan sifat-sifat serigala yang ganas itu."

Terjemahan: Abdul Aziz al-Mursyidi.

Dari Suratkhabar 'Al-Madinah Al-Munawwarah'.

BUKU BARU SUDAH SIAP

ISLAM

PEMELUK DAN ULAMA-NYA

* MENGANALISA dengan tegas tentang kejahilan Pemeluk2 Islam terhadap hukum ugama yang mereka anuti, sa-hingga mereka menjadi suatu ummat yang mundur di-dunia ini.
* MENGUPAS dengan panjang lebar tentang kelebehan, kemantapan dan keindahan undang2 Islam chiptaan Tuhan dari undang2 dunia chiptaan manusia.
* MENENTANG dengan keras ka-atas orang2 yang menda'wa hukum2 dalam Shari'at Islam itu tidak sesuai lagi di-praktekkan dalam zaman moden ini.
* MENGKERITIK dengan terus terang terhadap Pembesar2 Negara, Pemimpin2 Islam dan Para Ulama'-nya yang tidak mahu bertanggong-jawab menegakkan sa-buah negara yang berchorak Islam.
* TEBAL-NYA 175 muka, berkulit tebal warna warni. Di-chetak dalam huruf rumi dengan menggunakan jalan bahasa yang mudah di-faham oleh semua golongan masharakat.

Harga Sa-buah $3.00

Pos 20 sen.

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.